


Evolusi Rund Perdagangan Malaysia—AS

Perjanjian Perdagangan Timbal Balik Malaysia–Amerika Syarikat (ART) yang diumumkan semula pada Oktober 2025 merupakan langkah penting bagi memantapkan hubungan perdagangan dua hala antara Malaysia dengan Amerika Syarikat (AS). ART muncul sebagai respons terhadap gelombang tarif “timbal balik” baharu yang dikenakan oleh Washington terhadap negara rakan dagang utama Asia Tenggara, termasuk Malaysia. Perjanjian ini berasaskan kerangka yang telah wujud sebelumnya, terutamanya melalui Perjanjian Rangka Kerja Perdagangan dan Pelaburan (TIFA) 2004 dan rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) 2006–2008 yang tidak selesai.



ingan



Perjanjian tahun 2025 ini lebih bersifat taktikal dan defensif memandangkan dirangka pada waktu AS memanfaatkan tarif sebagai alat tawar-menawar terhadap negara Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN). Sejak awal tahun 2000-an, Malaysia dan AS memiliki saluran perundingan yang teratur melalui TIFA yang bertujuan mengurangkan halangan perdagangan dan pelaburan, serta memberikan laluan ke arah perjanjian FTA yang lebih luas. Namun begitu, rundingan FTA Malaysia-AS pernah tersekat akibat isu perolehan kerajaan, hak harta intelek dan standard buruh.

Walaupun perjanjian ART ini lebih bersifat pragmatik, hubungan dagangan antara kedua-dua negara terus berkembang pesat. Pada tahun 2024, jumlah dagangan Malaysia-AS mencapai sekitar USD86.5 bilion dengan Malaysia mencatatkan lebih besar melalui eksport elektronik dan elektrik (E&E), mesin, serta produk berasaskan sawit. Namun begitu, apabila AS mula mengaitkan akses pasaran dengan tarif balas seperti ancaman tarif hingga 25 peratus terhadap semikonduktor, E&E dan farmaseutikal, Malaysia perlu mencari jalan agar eksport bernilai tinggi ini tidak terjejas. ART menawarkan jawapan praktikal kepada cabaran ini.

Menurut kenyataan bersama yang dikeluarkan oleh kedua-dua negara di Washington dan Kuala Lumpur, ART digambarkan sebagai perjanjian perdagangan timbal balik yang memberikan jaminan kepada kedua-dua pihak mengenai kadar tarif tertentu yang lebih rendah daripada kadar tarif hukuman yang diancam oleh AS. ART juga memastikan Malaysia akan bekerjasama dengan AS bagi kawalan eksport, pelaburan dan pencegahan lencongan dagangan, terutama dengan negara ketiga yang jelas merujuk China. Hal ini melibatkan penerusan kerjasama teknikal di bawah TIFA yang merangkumi aspek ekonomi digital, perusahaan kecil dan sederhana (SME) dan rantai bekalan.

Berbeza daripada FTA yang terdahulu, ART tidak bertujuan memberikan liberalisasi menyeluruh, sebaliknya lebih memfokuskan pengendalian kestabilan tarif. Malaysia bersetuju memberikan konsesi tertentu seperti membuka sedikit perolehan kerajaan dan mematuhi rejim kawalan eksport AS sebagai balasan kepada kadar tarif yang lebih rendah. Perkara ini merupakan inti pati terhadap konsep timbal balik yang diterapkan dalam ART.

Terdapat tiga rasional utama yang dapat dikemukakan berkenaan dengan ART. Pertama, perjanjian ini melindungi eksport E&E dan mesin yang mewakili lebih daripada 60 peratus dagangan Malaysia-AS. Kenaikan tarif 25 peratus akan memberikan kesan buruk terhadap daya saing firma Malaysia seperti yang terdapat di Pulau Pinang, Kulim Hi-Tech dan Lembah Klang. ART memastikan titik permulaan tarif lebih rendah dan dapat diramal dengan memberikan ruang kepada firma Malaysia untuk merancang dan mengelakkan kerugian besar akibat tarif yang tinggi.

Yang kedua, ART memberikan perlindungan terhadap kedudukan Malaysia dalam rantaian bekalan serantau. Setelah AS menandatangani perjanjian serupa dengan Vietnam, Filipina dan Indonesia, ketiadaan perjanjian serupa dengan Malaysia akan menyebabkan pelaburan AS beralih ke negara jiran yang telah menetapkan kadar tarif yang lebih jelas dan stabil.

Yang ketiga, sebagai negara Pengerusi ASEAN 2025, Malaysia berusaha untuk terus berdagang dengan AS sambil mengekalkan kedudukan dalam Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan ASEAN-China FTA 3.0. ART ini memberikan isyarat kepada kedua-dua blok bahawa Malaysia dapat mengimbangi keperluan masing-masing.


Berdasarkan corak perjanjian yang serupa, ART dilihat sebagai sebuah perjanjian yang

terdiri daripada lima komponen utama, iaitu disiplin tarif dan akses pasaran; mekanisme semakan berkala; kawalan eksport dan pelaburan; rantaian bekalan dan keselamatan ekonomi, serta bab perdagangan digital dan SME. Dalam kerangka ini, AS berjanji untuk tidak mengenakan kuota atau sekatan kuantitatif ke atas barangan asal Malaysia, kecuali jika selaras dengan peraturan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Sebaliknya, Malaysia mengekalkan tarif rendah untuk barangan teknologi tinggi dan perkhidmatan tertentu yang diimport dari AS.

Selain itu, ART juga menyentuh aspek yang lebih sensitif seperti kedaulatan dasar perindustrian Malaysia. Jalinan kerjasama dengan AS untuk menyaring pelaburan dan eksport memberikan cabaran terhadap kebebasan Malaysia dalam menjalankan perdagangan dengan negara ketiga, khususnya dengan China. Walaupun begitu, ART tidak melibatkan liberalisasi sektor pertanian atau hal ehwal pekerja migran yang merupakan isu sensitif dalam rundingan FTA terdahulu. Hal ini mungkin menyebabkan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) melihat ART sebagai perjanjian yang lebih memberikan manfaat kepada AS dalam aspek kawalan lencongan, sementara Malaysia memperoleh kestabilan tarif.

Namun demikian, ART juga menawarkan beberapa manfaat strategik untuk Malaysia.





Pertama, mengurangkan risiko tarif menjadi kos pematuhan yang dapat dirancang oleh firma Malaysia. Dengan memastikan kestabilan tarif, Malaysia dapat mengekalkan pertumbuhan eksport yang kukuh ke AS, terutama dalam sektor E&E yang menjadi nadi ekonomi negara. Yang kedua, ART menyokong strategi kerajaan untuk menaik taraf industri E&E, bateri dan perubatan ke tahap yang lebih kompleks selaras dengan harapan Malaysia untuk terus menarik pelaburan dari AS dalam bidang teknologi tinggi. Yang ketiga, dari segi fiskal dan kebajikan, ART lebih melindungi eksport Malaysia ke AS berbanding dengan menurunkan harga import dari AS. Oleh itu, manfaat lebih tertumpu pada pengeluar berorientasi eksport, terutamanya di kawasan seperti Pulau Pinang, Kedah dan Selangor berbanding dengan pengguna tempatan.

Walaupun ART memberikan kestabilan tarif yang diperlukan, namun perjanjian ini tidak lepas daripada beberapa persoalan akademik dan dasar. Satu daripada isu utama ialah sejauh mana Malaysia akan mengorbankan kedaulatan kawalan eksportnya apabila bersetuju untuk bekerjasama dengan AS. Persoalan ini lebih penting apabila Malaysia juga perlu mengekalkan hubungan perdagangan dengan China dan negara lain yang mungkin

dikenakan sekatan oleh AS. Tambahan pula, ART tidak memberikan sebarang kemajuan dalam liberalisasi sektor pertanian atau hal ehwal pekerja migran yang akan menimbulkan persoalan terhadap kesaksamaan dan keberkesanan jangka masa panjang perjanjian ini.

Secara keseluruhannya, ART merupakan perjanjian generasi baharu yang berfungsi sebagai jambatan antara dua realiti global. Malaysia memerlukan pasaran AS untuk eksport bernilai tinggi, terutamanya dalam sektor E&E dan sistem perdagangan dunia yang semakin berpecah kepada blok perdagangan. Tanpa ART, Malaysia berisiko dikenakan kadar tarif lebih tinggi berbanding dengan negara ASEAN lain. Dengan ART, Malaysia dapat memastikan pariti daya saing dengan negara jiran dan mengekalkan kedudukannya dalam rantaian bekalan global.

Dalam konteks ini, kejayaan ART bergantung pada kemampuan Malaysia untuk mengekalkan keseimbangan antara AS dengan China, serta keupayaan kerajaan untuk meminimumkan kos pematuhan kepada firma tempatan. Jika syarat ini dapat dipenuhi, ART bukan sahaja dapat mengelakkan ancaman tarif, tetapi juga berpotensi menjadi langkah pertama ke arah pemulihan perundingan FTA Malaysia-AS yang telah tertangguh sekian lama. ENC